

17/02/2003

Industri perfileman perlu promosikan nilai murni: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi menggesa industri perfileman dunia supaya melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat dengan mempromosikan nilai murni dan keamanan dalam filem mereka.

Perdana Menteri berkata, ini kerana unsur keganasan yang dipaparkan dalam hampir semua filem ketika ini mempengaruhi pemikiran penonton, sekali gus menerapkan perlakuan ganas dalam masyarakat.

Beliau berkata, keadaan inilah yang menjadikan dunia pada masa ini penuh dengan keganasan sehingga ada pihak menyukai dan mengharapkan peperangan, khususnya di Asia Barat.

"Kita hidup dalam zaman yang amat ganas, di mana-mana saja kita lihat berlaku keganasan. Kalau dulu hanya pahlawan membunuh pahlawan dalam pertempuran tetapi sekarang dengan pengguguran bom dan roket orang awam tidak berdosa adalah mangsa yang dibunuh.

"Orang tidak lagi berasa bersalah untuk membunuh orang lain. Hanya dengan sedikit alasan mereka bertindak menggunakan keganasan bagi menyelesaikan perbezaan pendapat.

"Kita berharap perang tidak akan tercetus di Asia Barat tetapi kita khuatir peperangan akan tercetus juga.

"Mungkin industri perfileman dapat mempromosikan keamanan sehingga dapat mempengaruhi mereka yang suka berperang," katanya berucap merasmikan Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) di Dataran Merdeka di sini semalam.

Hadir sama ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

KLWFF yang bertemakan Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan dan Tanpa Diskriminasi berlangsung mulai semalam sehingga esok sempena Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Festival yang julung kali diadakan hasil ilham Perdana Menteri itu menyaksikan penyertaan 48 filem daripada 38 negara yang akan ditayangkan menerusi lapan pawagam iaitu di TGV KLCC dan GSC Megamall, mulai hari ini.

Malaysia diwakili dua filem iaitu Embun arahan Erma Fatima dan Sayang Salmah, arahan Mahadi J Murat.

Dr Mahathir berkata, KLWFF dianjurkan bagi memberi penghargaan kepada penerbit yang menghasilkan filem yang memaparkan nilai baik dan tidak ganas kerana pada masa ini hampir tiada filem yang tidak mengandungi unsur keganasan.

Beliau berkata, filem sekarang memaparkan segala jenis keganasan sehingga orang berfikiran bahawa keganasan yang mempengaruhi pemikiran masyarakat, khususnya generasi muda yang masih mencari nilai murni.

Katanya, pengaruh filem terhadap minda orang ramai begitu kuat

sehingga

mereka yang melakukan keganasan dalam dunia sebenar merasakan ia sebagai hanya lakonan dalam filem.

"Kami ingin memberi penghargaan kepada mereka yang tidak menghasilkan filem ganas. Diharapkan dengan cara ini ia akan mewujudkan nilai yang lebih baik dalam masyarakat," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan penghargaan kepada ketua delegasi negara peserta.